

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 32**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini pesakit HIV, punca-punca dan langkah menangani yang telah diambil oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Bilangan penghidap HIV di Malaysia sehingga 2018 adalah seramai 75,040 kes. Bilangan kes HIV baru pada amnya telah menurun berbanding bilangan tertinggi kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2002 iaitu sebanyak 6,978 orang, atau pada kadar 28.5 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Pada tahun 2018, sebanyak 3,293 kes HIV baru telah dilaporkan, atau pada kadar 10.0 kes bagi setiap 100,000 penduduk iaitu penurunan notifikasi sebanyak 65% semenjak tahun 2002.

Pada peringkat awal wabak HIV, faktor risiko utama jangkitan adalah melalui perkongsian jarum suntikan di kalangan pengguna dadah suntikan. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2011, transmisi seksual menjadi faktor risiko utama jangkitan yang dilaporkan kepada KKM. Pada tahun 2018, sebanyak 57% jangkitan HIV dilaporkan menerusi hubungan homoseksual/biseksual, manakala 37% adalah menerusi hubungan heteroseksual.

Bagi menangani jangkitan HIV melalui transmisi seksual ini, KKM akan meningkatkan rawatan antiretroviral (ARV) untuk mencapai sekurang-kurangnya 95% penghidap HIV menerima rawatan ARV. Rawatan ARV pada amnya dapat mencegah 97% daripada jangkitan HIV melalui transmisi seksual. Pada penghujung 2018, hanya 55% penghijidap HIV menerima rawatan ARV.

KKM juga akan terus menekankan kepentingan amalan seks selamat terutamanya di kalangan populasi berisiko bagi memastikan jangkitan HIV dapat terus dibendung. Peningkatkan kesedaran mengenai HIV dan langkah pencegahan akan terus dipertingkatkan bagi memperkasa inividu dan populasi berisiko untuk melindungi diri dari dijangkiti HIV atau menjangkiti orang lain.

Sekian, terima kasih.